

MALAM WARTAWAN ANJURAN INSTITUT AKHBAR MALAYSIA BERSAMA PERDANA MENTERI
Malam Wartawan-PM

10 MAY 2002

KUALA LUMPUR, 10 Mei -- Institut Akhbar Malaysia akan menganjurkan Malam Wartawan pada 2 Jun 2002 di PWTC, Kuala Lumpur. Tetamu kehormat majlis Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan hadir untuk menyampaikan hadiah kepada kira-kira 40 orang wartawan yang terpilih berjumlah RM150,000.

Pada majlis tersebut Perdana Menteri dijangka akan juga menyampaikan amanatnya mengenai isu-isu semasa dan hal-hal mengenai kewartawanan Malaysia.

Ramai wartawan dan ahli korporat dari lebih 50 pertubuhan media dan korporat di Malaysia telah menyatakan kesediaan akan menghadiri satu-satunya acara tahunan tradisi kewartawanan Malaysia ini.

Hadiah wang tunai akan diberikan kepada para wartawan yang telah menghasilkan laporan terbaik dalam beberapa kategori antaranya mengenai Laporan Berita/Rencana, Sukan, Kewartawanan TV, Hiburan, Ekonomi/Kewangan dan Foto Media.

Dua wartawan masing-masing akan menerima Hadiah Kajai dan Wartawan Cemerlang, iaitu dua hadiah terulung dalam bidang Hadiah Kewartawanan Malaysia. Tiap pemenang akan menerima RM10,000. Untuk kategori-kategori lain tiap pemenang menerima RM5,000. Hadiah-hadiah wang tunai ini disediakan oleh Petronas, yang menaja hadiah terbesar jumlahnya sejak 1994.

Dua hadiah kategori baru yang diperkenalkan - Teknologi Info-Komunikasi (ICT) dan Laporan Sosio-Ekonomi Islam - ditaja oleh Nokia dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YPEIM).

Mereka yang menerima hadiah terdiri daripada wartawan media-media bahasa Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris serta media elektronik.

Untuk memeriahkan lagi majlis berbagai cenderamata dan acara cabutan nombor bertuah untuk peserta juga akan diadakan pada majlis malam itu.

DIKELUARKAN OLEH INSTITUT AKHBAR MALAYSIA
TARIKH SIARAN : 10 MEI 2002
DISIARKAN OLEH BERNAMA PRWIRE MALAYSIA*GLOBAL